Rujukan : pvrtm/ pre/ 09 (05)
Tarikh : 12 Nov, 2009
YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim,
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan,
Angkasapuri,
Kuala Lumpur.

YB Datuk Seri,

NOTA SESI KUNJUNG HORMAT PERSATUAN VETERAN RTM DENGAN
YB MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2.PVRTM mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian YB Datuk Seri melapangkan masa dan menerima kunjung hormat ahli-ahli PVRTM yang diadakan di pejabat Datuk Seri baru-baru ini. Turut serta dalam pertemuan tersebut ialah Ketua Setiauasaha Kementerian Ybhg Datuk Wira Kamarudin Siaraf dan Ketua Pengarah Penyiaran Ybhg Dato' Ibrahim Yahya. Segala perkara yang dibentangkan dalam memorandum kami telah menerima respons yang positif. Dana yang disumbangkan Datuk Seri itu akan dapat menggerakkan persatuan untuk merealisasikan program-program ke arah menjaga kebajikan para ahli.

3. Sehubungan dengan itu , bersama-sama ini dilampirkan Nota Resolusi sesi tersebut untuk tujuan rekod.

Sekian, terima kasih.

Salam Malaysia.

Yang Benar,
……………………………………

(Presiden Persatuan Veteran RTM)

s.k.

Ybhg Datuk Wira Kamarudin Siaraf,
KSU Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Ybhg Dato' Ibrahim Yahya,
Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia

NOTA SESI KUNJUNG HORMAT DI ANTARA PERSATUAN VETERAN RTM (PVRTM) DENGAN YB DATUK SERI UTAMA DR RAIS YATIM , MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN PADA HARI ISNIN 12hb OKTOBER, 2009 JAM 10.00 PAGI DI BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD, KUALA LUMPUR.

Hadir (KPKK) : YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim
Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

: Ybhg Dato' Wira Kamarudin Siaraf,
KSUKementerianPenerangan,Kemunikasi,Kebudayaan

: Ybhg Dato' Ibrahim Yahya
Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia

(PVRTM) : Mohd Helan Bin Abu - Presiden
Latifah Sidek - Tim.Presiden
Tengku Mohd Ali Bustamam - Setiausaha
Mustaza Maah -AJK
Norela Samad -AJK
Razali Husin - AJK
Baharin Tahirrr - Pem. Kira-Kira

1. Pendahuluan
Presiden memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri, KSU dan KPP di atas kesudian mereka secara serentak menerima kunjung hormat daripada PVRTM.
Secara rengkas Presiden telah memaklumkan mengenai latar belakang persatuan, keanggotaan dan kedudukan semasa yang menyentuh aspek pejabat persatuan, kewangan dan penerbitan buletin suara veteran.

2.Memorundum

PVRTM telah membentangkan memorandum yang meliputi beberapa perkara yang menjurus kepada RTM yang memerlukan penjelasan. Perkara-perkara yang dikemukakan dalah seperrtti berikut:

.

.

| PERKARA YANG DIMAKLUMKAN OLEH PVRTM | PERKARA YANG DIMAKLUMKAN OLEH KPKK |
|---|---|
| 1.Menamakan Menteri Penerangan , Komunikasi dan Kebudayaan sebagai Penaung Persatuan Veteran RTM yang berkuatkuasa dengan serta merta. | 1. YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim tiada halangan dan bersetuju menerima perlantikan tersebut atas kapasitinya sebagai Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan semasa.. |
| 2 Mencadangkan supaya Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) mengambil inisiatif untuk mengadakan Hari Penyiaran Malaysia selaras dengan organisasi lain yang telahpun mengistiharkan hari rasmi masing-masing. . | 2. YB Menteri telah menerima cadangan ini dan mengarahkan Ketua Setiauasaha Kementerian dan Ketua Pengarah Penyiaran untuk mengadakan Hari Penyiaran Dan Penerangan. |
| 3. Memohon pengiktirafan pihak berwajib kepada status PVRTM supaya dapat berdiri sama tingga dan duduk sama rendah dengan persatuan-persatuan lain dan layak menerma sebarang bentuk bantuan yang disalurkan kepada mereka. | 3. YB Menteri telah berikrar untuk menyalurkan sumbangan kepada PVRTM sebanyak RM 30,000 (Ringgir Malaysia Tiga Puluh Ribu) sahaja. Di atas permintaan YB No Akaun Bank Persatuan segera diserahkan. |
| 4. Mendekati RTM adalah strategi Persatuan agar sentiasa diberi peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh RTM bagi menjalinkan hubungan silatulrahim yang berpanjangan di kalangan staf lama dan | 4. YB Menteri prihatin dengan keadaan mereka yang telah bersara dan menyokong usaha tersebut dengan meminta KPP supaya tidak mengabaikan golongan veteran ini daripada menyertai program-progrma dalam kalendar RTM. |

| | |
|---|---|
| baru. | |
| 5. Menghidupkan semula prestej Anugerah Seri Angkasa yang telah ditiadakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini sebagai mengukur imej dan kualiti program yang disiarkan RTM. | 5. YB Menteri telah merujuk status program kepada Datuk KSU dan Dato′ KPP yang menurut mereka akan dihidupkan kembali pada tahun hadapan yang dihadkan untuk program-program RTM sahaja. |
| 6. Menyeragamkan sebutan bahasa Melayu khusunya di RTM sendiri yang ada diantara penyampainya menggunakan sebutan mengikut ejaan (terutamanya huruf U dan G ) sedangkanyang lain pula mengikut sebutan Johor-Riau<br><br>. | 6. YB Menteri memaklumkan bahawa satu mesyuarat bersama media elektronik (stesen Radio dan TV) akan diadakan tidak berapa lama lagi bagi merungkaikan permasalahan ini. Tidak wajar timbul sebutan bahasa baku. |
| 7. Memeperakukan dan menyokong tokoh-tokoh penyiaran tertentu kepada pihak Kementerian supaya diangkat kepada pihak berkuasa untuk mendapat anugerah kebesaran bintang-bintang samaada di peringkat Negeri atau pun Persekutuan... | 7. YB menjelaskan bahawa beliau tiada kuasa untuk berbuat demikian. Walau bagaiamanpun sekira ada calon-calon yang luar biasa, bolehlah cuba dikemukakan.. |
| 8.Menerbitkan buku mengenai Sejarah Penyiaran Malaysia yang komprehensif khusunya RTM. Ahli-ahli Veteran RTM yang masih ada sedia bekerjasa bagi menyediakan bahan-bahan melalui | 8. YB Menteri memaklumkan bahawa RTM kini sedang mengusahakan penulisan buku yang sedemikan. Beberapa orang Veteran RTM munkin akan diminta untuk memberikan input. |

| | |
|---|---|
| dokumentasi dan pengalaman. | |
| 9. Menyampaikan hasrat Persatuan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik iaitu bekas kakitangan yang tidak langsung meneriam pencen ataupun menerima kurang daripada RM 720.00 sebulan. | 9. YB Menteri meminta supaya disediakan satu kertas cadangan yang lengkap untuk diberikan perhatian oleh pihak-pihak tertentu. |
| 10. Menyerahkan surat niat daripada PVRTM untuk memohon menjadi pembaca berita radio sambilan demi untuk memupuk terus minat. | 10. YB Menteri telah merujuk perkara itu kepada Dato′ KPP untuk tindakan selanjutnya, |

3.PENUTUP

Di akhir sesi sekali lagi Presiden telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas keperihatinan dan perhatian YB Menteri, Dato KSU dan Datok KPP yang telah memberikan sokongan dan dorongan kepada PVRTM. YB Menteri telah malahirkan hasrat untuk menemui lagi PVRTM dalam majlis yang lebih informal. PVRTM telah berjanji untuk mengaturkannya pada masa yang sesui. Majlis berahir kira-kira jam 11.00 pagi.

Disediakan Oleh
Sekretariat PVRTM

TAJUK : KEWANGAN PVRTM

TUJUAN : Kertas ini menjadi panduan halacara pengendalian kewangan persatuan supaya ianya lebih terancang, menepati sasaran dan telus. Pada dasarnya kewangan tersebut tersimpan dalam satu akaun tetapi setiap penerimaan dan perbelanjaan adalah dipecahkan mengikut penyata tabung biro-biro yang tertentu. Dengan cara yang demikian , laporan penyata-penyata biro akan lebih mudah dilaksana, dikawal dan dipantau agar ianya mengikuti landasan yang ditetapkan..

Berikut adalah struktur kewangan PVRTM.:

| TABUNG AM | TABUNG KEBAJIKAN | TABUNG EKONOMI |
|---|---|---|
| Matlamat:<br>1. urusan pentadbiran<br>2. penerbitan buletin<br>3. mesyuarat<br><br>Sumber<br>1. yuran ahli baru<br>2. dividen asm | Matlamat<br>1. membantu ahli<br>2. keluarga ahli<br>3. tabung bencana<br>4 majlis ilmu<br><br>Sumber<br>1. sumbangan derma<br>2. majlis makan/dll | Matlamat<br>1. urusan perniagaan<br>2. sumbangan kpd tabung 1 & 2<br><br>Sumber<br>1. modal permulaan RM 40k |

| | | |
|---|---|---|
| 3. derma kilat<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Baki Terkumpul | 3. derma kilat<br><br>Kelayakan Penerima<br>1. ahli<br>2. keluarga ahli<br>-pasangan<br>-anak-anak<br>3. sakit/mati<br>4. kemalngan<br><br><br>Baki Terkumpul | 2. dividen simpanan tetap/pelaburan<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Baki Terkumpul |
| | | |